

Gelar diri tak pandai, tapi ada PhD

Bekas pengawal kolam renang kongsi kisah mendaki tangga kejayaan dalam pendidikan dan kerjaya



BELAJAR SEPANJANG HAYAT: Dr Mohd Effendy Rajab menghabiskan tempoh 11 tahun bagi memburu sijil pengajian pengurusan, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan akhirnya Doktor Falsafah (PhD). – Foto TUKIMAN WARJI



DETIK MENGGEMBIRAKAN: Pada usia 44 tahun, Dr Mohd Effendy (*kiri*), yang menyifatkan dirinya tidak bijak tapi ada misi kehidupan, meraih ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam pendidikan daripada Dekan Bersekutu, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Insan, Universiti George Washington, Profesor Robert N. Ianacone. – Foto-foto ihsan EFFENDY RAJAB



SEDIA BERBAKTI: Kegiatan pengakap begitu dekat dalam hati Dr Mohd Effendy sejak di bangku Sekolah Rendah Kaki Bukit lagi. Sebelum ini, beliau pernah ditabalkan sebagai pemenang Anugerah Pengakap Presiden, yang tertinggi diberikan kepada seorang pengakap.



GITARKU, 'ISTERIKU': Sebagai penerima Anugerah Pelajar Sepanjang Hayat, Dr Mohd Effendy tekankan pentingnya menggarap kemahiran bahkan mengambil kursus gitar klasikal di Yamaha, sedekad lalu.



MENYENTUH HATI MASYARAKAT: Dr Mohd Effendy (*berdiri, kiri*) menghabiskan masa selama lima tahun berbakti sebagai pegawai bomba dalam Pasukan Bomba Singapura – tugas yang mendekatkannya dengan masyarakat.



HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

APABILA seorang pensyarah kelas malamnya mengucapkan selamat tinggal bagi melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Canada, hati kecilnya membentak lagi mempersenda:

“Bodohnya... buat apa bersusah payah merantau jauh dan meninggalkan keluarga dan keselesaan tugas, hanya mahu memburu segulung ijazah? Dah ada ijazah sarjana, cukuplah!”

Namun, senario sekitar empat dekad lalu itu hanyalah sesuatu yang terpahat dalam fikiran Dr Mohd Effendy Rajab, kini 59 tahun, sewaktu jiwanya masih muda remaja dan tiada wawasan.

Tatkala itu, dengan setakat enam kelulusan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat ‘O’, beliau bertugas sebagai pengawal kolam renang sebelum beralih menjadi pegawai bomba.

Berbanding kini, hati Pengarah Eksekutif di Persatuan Pengakap Singapura (SSA) itu mudah berbunga-bunga cinta setiap kali menyentuh tentang pembelajaran sepanjang hayat.

Apa tidaknya, beliau yang juga pensyarah bersekutu di Institut Pengurusan Singa-

pura (SIM) menghabiskan masa 11 tahun tanpa henti memburu sijil pengajian pengurusan hinggalah ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang pendidikan.

Dan pusat pengajian yang menjadi pilihannya sepanjang lebih sedekad itu ialah SIM, institusi pengajian tinggi yang menyambut ulang tahun ke-50 tahun ini.

Bagaimanakah perjalanan cintanya dengan dunia akademik tercetus sedangkan beliau dengan rendah hati menyifatkan dirinya dahulu tidak pandai dan ambil mudah soal pelajaran?

Sejauh mana pula penglibatan aktifnya dalam kegiatan pengakap sejak di bangku Sekolah Rendah Kaki Bukit memperkukuh misinya menyebarkan ilmu dan menyentuh kehidupan orang lain?

Semua ini dikongsi Dr Mohd Effendy yang ramah lagi lucu bersama *Berita Minggu* dalam satu wawancara santai di SIM, baru-baru ini.

Terbetik dalam hati penulis, mengapa tugas sebagai pengawal kolam renang menjadi pilihan bekas pelajar prauniversiti di Sekolah St Patrick’s itu?

Sambil berseloroh, beliau berkata dengan wajah selamba:

“Cool ‘kan? Pakai kaca mata hitam, boleh tengok perempuan cantik!”

Namun, beliau kemudian membuka cerita bahawa beliau pernah memohon bagi mengikuti kursus pengajian marin untuk menjadi kapten kapal.

“Sayangnya, mereka kata daya penglihatan saya tidak setajam mana walaupun saya sangka mata saya cukup awas!

“Orang dah tak nak kita, kecewalah. Dalam hati berkata-kata, ‘Tulah... main-main lagi. GCE Peringkat ‘A’ ‘hancur’ sebab hanya lulus dalam subjek Bahasa Melayu saja!”

“Kebetulan ada peluang jadi pengawal kolam renang. Saya pun mohon tugas ini dan seronok mendalami cara menyelamatkan orang ataupun kemahiran belayar, sesuatu yang dekat dengan dunia pengakap.

“Tapi, saya paling suka mengajar kanak-kanak berenang,” ceritanya terus terang.

Dr Mohd Effendy juga mengikuti kelas malam pada waktu itu kerana kepingin masuk universiti.

Sayangnya, beliau gagal ke menara gading dan melihat tugas sebagai pegawai bomba di Pasukan Bomba Singapura sebagai satu tarikan.

Namun, pengalaman emas itulah yang sering dikongsi bersama pelajar jurusan pengurusan sumber manusia dan modal insan.

Selepas lima tahun berjuang disaluti rutin tugas mencemaskan, beliau kemudian dilamar syarikat Petrochemical Corporation of Singapore sebagai pegawai bomba dan keselamatan kanan – mata pencariannya selama 19 tahun.

“Ada ketikanya, dalam proses menyelamatkan mangsa kebakaran, saya tak boleh lupakan imej kepala remuk atau rentung yang terpisah daripada tubuhnya.

“Otak berkecai sampaikan saya tak berselera makan sotong selama berbulan lamanya,” ujarnya.

Namun, dalam beliau terasa nikmatnya setiap kali menyelamatkan mangsa kebakaran, beliau juga mula memikirkan tentang masa depannya.

“Terus terang, saya katakan saya risau apabila jawatan dan tangga gaji saya nampaknya ‘mendak’ kerana saya tiada ijazah, berbanding lulusan universiti.

“Saya terfikir, ‘sampai bila?’. Saya kemudian bulatkan tekad kembali ke bilik darjah pada usia 33 tahun. Dah dapat sijil dan kemudian diploma, saya kejar pula bagi ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Pentadbiran Perniagaan.

“Hari demi hari, semangat saya berapi-api nak buru ijazah Sarjana Sastera dalam Pendidikan dan Pembangunan Insan daripada SIM-Universiti George Washington pula. Saya mula seronok buat kajian dan mengulang kaji pelajaran. Orang baca buku cereka, saya ketagih baca buku teks.

“Dan alang-alang dah dapat ijazah sarjana, apa kata ambil PhD? Saya fokus pada kajian kepimpinan dalam pertumbuhan pengakap. Lagipun, tekad saya mahu meraih PhD sebelum usia saya mencecah 45 tahun,” tambah beliau.

Tentunya, banyak pengorbanan masa, tenaga dan wang yang perlu dibuat sepanjang 11 tahun itu.

Mujurlah, Dr Mohd Effendy yang beristerikan seorang jururawat, Cik Radiah Koming, 60 tahun, akur dengan pegangan hidup seorang pengakap.

Sikapnya yang suka membantu nampaknya ‘berjangkit’ kepada anaknya, Encik Mohd Ghazali, 29 tahun, pekerja sosial di Rumah Peralihan Jamiyah, Darul Islah.

“Seorang pengakap harus bersedia dengan kehidupannya – apa saja rintangan yang dihadapi, usah putus asa. Kita tidak

boleh takut gagal kerana tiada kejayaan tanpa kegagalan.

“Hingga ke hari ini, pesan saya kepada pelajar saya, ‘Kalau nak lulus peperiksaan, jangan fikir cukup setakat rajin belajar saja tapi cintai ilmu pengetahuan sepenuhnya’.

“Dan pesan saya secara berseloroh kepada pekerja dewasa, khususnya abang-abang kita ni, semai motivasi diri. Apa pasal apabila cagak bab belajar, terasa dah tua dan otak berserabut? Kalau pergi Batam, amboi terasa muda... ada tenaga pula tu!”

Sebagai penerima Anugerah Pelajar Sepanjang Hayat 2002, Dr Mohd Effendy, yang pernah bertugas selama empat tahun sebagai Pengarah Sumber Manusia di Pertubuhan Sedunia Pergerakan Pengakap di Geneva, Switzerland, akan terus belajar menggilap kemahirannya.

“Tengok ni kuku saya – panjang bukan? Orang kata, macam perempuan simpan kuku panjang.

“Saya kata, sebabnya saya kaki main gitar. Bahkan, hampir 10 tahun lalu, saya sanggup belajar gitar klasikal di kelas muzik Yamaha kerana kegilaan ini.

“Saya malahan sanggup beli gitar berharga \$8,000 – satu pelaburan bagi alat muzik yang saya anggap macam isteri pertama saya!”

“Tapi, jangan khuatir... saya tetap hormat dan tidak abaikan isteri saya. Apabila dah ‘tercampak’ di Geneva dan perlu masak, basuh dan berkemas sendiri selama empat tahun, barulah saya terasa betapa pentingnya bakti seorang isteri,” katanya penuh bermakna.